



JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA (JPPM)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)

TUNTUTAN PENGIKTIRAFAN



**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA (JPPM)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)**

TUNTUTAN PENGIKTIRAFAN

PRAKATA

KETUA PENGARAH PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

Handbook ini diterbitkan sebagai sumber rujukan kepada pegawai di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM), khasnya dalam memberi khidmat nasihat dan mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan perhubungan perusahaan. Selain itu, *handbook* ini juga merupakan panduan asas yang boleh diguna pakai oleh pihak majikan, pekerja, kesatuan sekerja atau pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam urusan perhubungan perusahaan.

Sebagai sebuah Jabatan yang bertanggungjawab untuk memupuk dan memelihara perhubungan perusahaan yang harmoni dan positif di antara majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja mereka, penerbitan *handbook* ini diharapkan dapat memupuk perhubungan perusahaan yang harmoni di tempat pekerjaan khasnya dan Negara amnya selari dengan matlamat Jabatan iaitu “Mencorakkan Masa Depan Bersama Keharmonian Perusahaan”.

Akhir kata sekalung penghargaan kepada urus setia, ahli Jawatankuasa Kerja Modul Keharmonian Perusahaan dan pegawai-pegawai JPPM yang terlibat dalam penyediaan dan penerbitan *handbook* ini.

Ketua Pengarah
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia

1. Pengenalan

Pengiktirafan kesatuan sekerja merupakan aspek penting di bawah sistem perhubungan perusahaan di Malaysia. Sesebuah kesatuan sekerja mesti mendapatkan pengiktirafan daripada majikan sebelum kesatuan berkenaan boleh mempelawa majikan untuk memulakan perundingan kolektif. Selain itu, bagi mengambil bahagian dalam menentukan kesatuan sekerja pekerja yang akan mempunyai hak berunding tunggal sekiranya terdapat lebih daripada satu kesatuan sekerja pekerja yang mewakili pekerja atau kelas pekerja yang sama yang diambil bekerja oleh majikan atau kesatuan sekerja majikan selaras dengan seksyen 9, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] dan Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009 [PPPP 2009]. Akta lain yang boleh dikaitkan dengan tuntutan pengiktirafan ialah Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262].

2. Tafsiran

“Trade Union” means any trade union registered under any law relating to the registration of trade unions;

(seksyen 2, Akta 177)

“Constitution of trade union” means rules of trade union registered under Trade Unions Act 1959

“Date of claim” means the date as of which Form A is dated;

“Secret ballot” in relation to section 9 of the Act, a secret ballot taken for the purpose of determining the percentage of workmen or any class of workmen, in respect of whom a claim for recognition is being sought, who are supporting the union making the claim;

"Responsible officer" means:

- (a) *in relation to an employer, the proprietor, manager or other person responsible for the management of the business or affairs of the employer; and*
- (b) *in relation to a trade union of employers or workmen, the President or Vice President or Secretary or Assistant Secretary of the trade union or any equivalent position by whatever name called.*

(peraturan 2, PPPP 2009)

3. Peruntukan Undang-Undang / Garis Panduan / Standard Perburuhan Antarabangsa

3.1 Kebebasan Berkesatuan / Berpersatuan

- i. Perlembagaan Persekutuan
Perkara 10(1)(c) - semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.
- ii. Akta Kerja 1955 [Akta 265]
Seksyen 8 - kontrak perkhidmatan tidak boleh menghadkan hak-hak pekerja untuk memasuki, menyertai atau menubuhkan kesatuan sekerja.
- iii. Konvensyen *International Labour Organization (ILO) No.87 (Freedom of Association and Protection of The Right to Organise)*
No.98 (Right to Organise and Collective Bargaining Convention 1948).

3.2 Penubuhan / Pendaftaran Kesatuan

- i. Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]
- ii. Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 [PPKS 1959]
- iii. Perlembagaan Kesatuan Sekerja

3.3 Pengiktirafan Kesatuan Sekerja

- i. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]
- ii. Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009 [PPPP 2019]
- iii. Tatacara Untuk Keharmonian Perusahaan (Code of Conduct for Industrial Harmony)

4. Skop Liputan

Tuntutan Pengiktirafan boleh dibuat oleh Kesatuan Sekerja pekerja yang sah berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) terhadap semua majikan / kesatuan sekerja majikan di sektor swasta kecuali Kerajaan dan badan berkanun.

5. Kategori Pengiktirafan Kesatuan Sekerja Pekerja

- i. Secara sukarela oleh pihak majikan atau kesatuan sekerja majikan kepada kesatuan sekerja pekerja.
- ii. Melalui keputusan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (KPPP) yang ditentukan melalui undi sulit iaitu tidak kurang daripada separuh pekerja yang layak mengundi telah membuang undi dan kesatuan memperoleh majoriti mudah 50% + 1.

6. Proses Tuntutan Pengiktirafan

Sesebuah kesatuan sekerja tidak boleh menuntut pengiktirafan berkaitan pekerja-pekerja yang digajikan dalam kapasiti pengurusan, eksekutif, kerahsiaan atau keselamatan sekiranya majoriti daripada ahlinya terdiri daripada pekerja-pekerja yang bukan digajikan dalam mana-mana kapasiti tersebut.

Tujuan tuntutan pengiktirafan adalah untuk membolehkan kesatuan sekerja pekerja mempunyai hak untuk:

- i. memulakan perundingan kolektif dengan majikan atau kesatuan sekerja majikan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 13(1) Akta 177; dan
- ii. mengambil bahagian dalam menentukan kesatuan sekerja pekerja yang akan mempunyai hak berunding tunggal sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 12A Akta 177 dalam keadaan terdapat lebih daripada satu kesatuan sekerja pekerja yang mewakili pekerja atau kelas pekerja yang sama yang diambil bekerja oleh majikan atau kesatuan sekerja majikan.

6.1 Notis Tuntutan Pengiktirafan

- i. Kesatuan sekerja pekerja mengemukakan notis Borang A yang asal berserta dengan satu (1) salinan buku perlembagaan kesatuan sekerja pekerja ke alamat berdaftar atau tempat perniagaan utama menggunakan pos berdaftar, kurier atau serahan kediri kepada majikan / kesatuan sekerja majikan. Jika serahan dilakukan secara kediri pastikan Borang A-1 ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab
- ii. Borang A yang asal perlu ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab iaitu Pengerusi atau Naib Pengerusi, atau Setiausaha, atau Penolong Setiausaha kesatuan sekerja atau mana-mana jawatan yang bersamaan dengan apa jua nama pun dipanggil.
- iii. Borang A yang asal berserta dengan satu (1) salinan buku perlembagaan kesatuan sekerja pekerja hendaklah disalinkan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (KPPP).

6.2 Tindakan Majikan / Kesatuan Sekerja Majikan Terhadap Notis Tuntutan Pengiktirafan

Dalam tempoh 21 hari dari tarikh penerimaan Borang A majikan hendaklah:

- i. Mengiktiraf kesatuan sekerja secara sukarela (*voluntarily*) dengan mengemukakan Salinan Borang AA kepada KPPP; atau
- ii. Jika pengiktirafan tidak diberikan, majikan perlu memaklumkan secara bertulis kepada kesatuan sekerja pekerja dan KPPP sebab-sebab mengapa pengiktirafan tidak diberikan

6.3 Tindakan Kesatuan Sekerja Pekerja Terhadap Maklumbalas Majikan

Dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan maklumbalas majikan, kesatuan sekerja pekerja hendaklah mengemukakan aduan bertulis sepertimana seksyen 9(4), Akta 177 kepada KPPP sekiranya;

- i. Majikan memberi maklumbalas tidak mengiktiraf kesatuan sekerja pekerja.
- ii. Majikan tidak memberi maklumbalas selepas tempoh 21 hari dari tarikh penyerahan Borang A kepada majikan.

Kegagalan kesatuan sekerja pekerja mengemukakan aduan akan menyebabkan tuntutan pengiktirafan ini dianggap telah ditarik balik

6.4 Tindakan Jabatan Terhadap Notis Tuntutan Pengiktirafan

Setelah menerima aduan daripada kesatuan sekerja pekerja, KPPP boleh mengambil langkah-langkah yang

dianggap perlu atau wajar bagi menyelesaikan tuntutan pengiktirafan tersebut iaitu:

- i. Menyemak Borang A selaras dengan peraturan 5 PPPP 2009;
- ii. Mengarahkan majikan mengemukakan apa-apa maklumat bagi menentukan skop keanggotaan kesatuan sekerja pekerja yang menuntut pengiktirafan untuk mewakili pekerja di tempat pekerjaan tersebut selaras dengan peraturan 6(a)(i)
- iii. Mengarahkan pihak majikan mengemukakan butir-butir pekerja pada tarikh tuntutan pengiktirafan dibuat di dalam Borang B selaras dengan peraturan 6(a)(ii)
- iv. Memasuki premis majikan bagi tujuan memeriksa rekod atau dokumen atau mengendalikan undi sulit.

6.5 Penentuan Skop Keanggotaan

Penentuan skop keanggotaan kesatuan bertujuan memastikan mana-mana pekerja atau kelas pekerja-pekerja yang hendak diwakili oleh kesatuan sekerja yang membuat tuntutan pengiktirafan adalah selaras dengan perlembagaan kesatuan tersebut.

6.6 Proses Undi Sulit

- i. Mesyuarat undi sulit akan diadakan bagi menentukan tarikh, masa, tempat dan butiran pekerja yang layak mengundi. Sekiranya terdapat persetujuan, Borang BA hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Sekiranya tiada persetujuan, KPPP boleh membuat keputusan melalui Borang BB.

- ii. Notis Undi Sulit (Borang D) akan dikeluarkan dan perlu dipamerkan di premis majikan selama tujuh (7) hari berturut-turut sebelum proses undi sulit dilaksanakan.
- iii. Bagi menentukan sokongan terhadap kesatuan sekerja pekerja, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi:
 - a. Sekurang-kurangnya separuh daripada pekerja yang layak mengundi telah membuang undi.
 - b. Peratusan sokongan terhadap kesatuan sekerja pekerja yang membuat tuntutan pengiktirafan hendaklah ditentukan berdasarkan undian majoriti mudah (50% + 1 orang pekerja).
 - c. Keputusan undi sulit akan dimaklumkan melalui Borang D kepada kesatuan dan majikan.

6.7 Keputusan Tuntutan Pengiktirafan

Apabila KPPP membuat keputusan kesatuan sekerja pekerja diberi pengiktirafan, keputusan tersebut dianggap telah diberikan oleh majikan kepada kesatuan sekerja pekerja berkenaan melalui Borang F.

7. Kesan dan Halangan Terhadap Tuntutan Pengiktirafan

7.1 Halangan terhadap tuntutan pengiktirafan baru

Apabila sesebuah kesatuan sekerja pekerja telah menuntut pengiktirafan terhadap majikan / kesatuan sekerja majikan, kesatuan sekerja pekerja yang lain tidak boleh menuntut pengiktirafan terhadap majikan / kesatuan sekerja majikan

berkenaan sehingga tuntutan pengiktirafan kesatuan sekerja terdahulu diselesaikan.

7.2 Kesan terhadap keputusan diberi pengiktirafan

Apabila sesebuah kesatuan sekerja pekerja diberi pengiktirafan, kesatuan sekerja pekerja lain tidak boleh memohon pengiktirafan bagi mewakili kategori pekerja yang sama kecuali selepas tamat tempoh satu (1) tahun daripada tarikh pengiktirafan diberikan atau kesatuan sekerja pekerja berkenaan tidak wujud lagi.


7.3 Kesan terhadap keputusan tidak diberi pengiktirafan

- i. Sekiranya KPPP memutuskan sesebuah kesatuan sekerja pekerja tidak diberi pengiktirafan, kesatuan sekerja pekerja berkenaan tidak boleh menuntut pengiktirafan semula dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh keputusan tersebut.
- ii. Sekiranya kesatuan sekerja pekerja menarik balik permohonan tuntutan pengiktirafan selepas mengemukakan aduan di bawah seksyen 9(4), Akta 177, kesatuan sekerja pekerja berkenaan tidak boleh menuntut pengiktirafan semula dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh surat tarik balik.

8. Aduan Isu Kapasiti di bawah Seksyen 9 (1A), Akta 177

Sebarang aduan berhubung isu kapasiti bolehlah dikemukakan kepada KPPP di bawah seksyen 9 (1A) Akta 177 supaya langkah-langkah yang sewajarnya dapat diambil untuk menyelesaikannya.

9. Carta Alir Proses Tuntutan Pengiktirafan



Penafian:

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) tidak bertanggungjawab di atas kehilangan, kerosakan atau kerugian disebabkan penggunaan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada buku ini.

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.

All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electrical, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission in writing of the Department of Industrial Relations of Malaysia, Ministry of Human Resources.

Disediakan oleh:
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia
Aras 9, Blok Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 W.P. Putrajaya
Tel: (603) - 8886 5460 Faks: (603) - 8889 2355
E-mel: jppm@mohr.gov.my
Laman Web: <http://jpp.mohr.gov.my>
ISBN 978-983-43604-5-0
Edisi Kedua, Cetakan Pertama (2024)